

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN LAMAN WEB PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR
(PKK)KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
Lokasi : HOTEL GRAND SEASON, KUALA LUMPUR
Tarikh : 04-03-2002

Saudara pengerusi majlis,

Yang Berbahagia Datuk Zakiah Hashim Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan

Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

2. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua kita dapat bersama-sama dalam majlis pelancaran laman web Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), pada pagi ini. Saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan di atas inisiatif ini dan kesudian menjemput saya untuk merasmikan pelancarannya.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. RRJP3 dan Rancangan Malaysia Kelapan menggariskan dengan jelas langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk membolehkan Malaysia menjadi sebuah negara yang bersatu dan maju mengikut acuan kita sendiri menjelang tahun 2020. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan ini, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM110 bilion untuk projek pembangunan Kerajaan Persekutuan.

Kita maklum bahawa projek-projek pembangunan Kerajaan banyak melibatkan pembinaan pelbagai struktur-struktur fizikal untuk memenuhi keperluan sektor-sektor ekonomi dan sosial negara.

4. Memandangkan bidang pembinaan merupakan sektor yang bergerak pesat, banyak peluang terus terbuka kepada pengusaha-pengusaha pembinaan. Kejayaan usaha-usaha dalam bidang pembinaan akan menyumbang kepada perkembangan dalam bidang ekonomi dan memberi kesan yang positif terhadap taraf hidup rakyat. Kecergasan dalam sektor ini juga akan menggerakkan banyak lagi aktiviti perniagaan dan ini akan membawa kepada peluang-peluang ekonomi yang bertambah dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

5. Pada tahun 2001, prestasi perbelanjaan oleh kementerian dan agensi-agensi kerajaan secara purata melebihi 100% dari peruntukan pembangunan yang disediakan. Ada jabatan dan agensi yang dapat membelanjakan sehingga 182 peratus peruntukan dan yang paling rendah pada paras 76 peratus daripada peruntukan yang diberikan. Secara keseluruhannya, perkhidmatan awam telah dapat melaksanakan projek mengikut jadual dan membelanjakan peruntukan yang disediakan untuk mencapai pelbagai objektif ekonomi dan sosial.

6. Untuk mencapai matlamat RMK8, kita perlu bekerja lebih gigih untuk menghadapi ekpektasi, cabaran dan menangani isu atau kekangan yang ada untuk memastikan projek pembangunan berjalan dengan lancar seperti yang dirancang. Pengusaha pembinaan pula perlu meningkatkan mutu, kemahiran dan keupayaan yang diperlukan bagi membolehkan mereka mengambil kesempatan daripada peluang yang tersedia dan muncul sebagai usahawan yang berjaya.

7. Pengusaha pembinaan merupakan pelanggan kepada Kerajaan dalam aspek penyediaan perkhidmatan memproses urusan tender dan sebagainya. Dalam aspek yang lain pula, Kerajaan pula menjadi pelanggan kepada pengusaha pembinaan sebagai penerima hasil kerja-kerja yang dilaksanakan oleh mereka. Penilaian ke atas hasil-hasil kerja kedua pihak (kontraktor dan Kerajaan) akan ditentukan oleh rakyat sebagai pelanggan utama Kerajaan. Kita juga tahu bahawa rakyat, sebagai pelanggan, mempunyai ekspektasi yang tinggi dan kian mementingkan kualiti dalam memberi penilaian mereka terhadap perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Oleh kerana itu, adalah amat penting bagi Kerajaan memberi penekanan ke atas kualiti kerja yang dilaksanakan oleh pengusaha-pengusaha pembinaan.

8. Ke arah itu, penekanan hendaklah diberi kepada kualiti kerja, bukan sahaja setakat menyiapkan projek- projek, tetapi juga memastikan kos yang efisien, mengikut jadual dan menepati syarat-syarat kontrak.

Kepekaan rakyat dan pengguna terhadap isu-isu alam sekitar, keselamatan dan keharmonian dari segi estetika bukan lagi merupakan syarat-syarat sampingan kejayaan sesuatu projek. Jika semua keperluan ini dapat dipenuhi, pengusaha pembinaan bukan sahaja memudahkan urusan pembayaran, malah turut menyumbangkan kepada pembangunan negara secara lebih mapan. Justeru, kita hendaklah terus mencari kaedah-kaedah baru pengurusan bidang pembinaan termasuklah penggunaan teknologi moden dan terkini untuk memenuhi kehendak dan cita rasa pelanggan yang kian meningkat. Lebih penting dari itu ialah persefahaman yang mendalam di kalangan pengusaha tentang tanggungjawab sosial yang perlu dimainkan dalam konteks pembangunan yang lebih luas. Janji Kerajaan untuk menyediakan projek prasarana dan bangunan- bangunan awam yang berkualiti cuma akan tercapai sekiranya berlaku gandingan kerjasama yang erat di antara pengusaha dengan agensi kerajaan.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

9. Kita semua maklum kini terdapat ramai pengusaha- pengusaha pembinaan bumiputera yang aktif dalam bidang pembinaan. Saya rasa bidang ini boleh menampung lebih ramai pengusaha bumiputera. Apa yang perlu ialah kerjasama yang erat di kalangan pengusaha-pengusaha, berkongsi pengalaman, sumber dan pengetahuan, melalui sistem jaringan atau networking yang dinamik. Pooling of resources sesama pengusaha dan persaingan yang sihat merupakan strategi yang akan menguntungkan dalam jangka panjang. Berkongsi pengalaman dalam aspek-aspek amalan terbaik (best practices) akan dapat mengelak berlakunya kesilapan yang boleh menyebabkan kelewatan mendapat bayaran dan sebagainya. Selain itu, mereka juga perlu bekerjasama dengan pengusaha bukan bumiputera. Kerjasama ini perlulah berasaskan perkongsian bestari di mana pengusaha bumiputera mendapat, bukan sahaja keuntungan kewangan, tetapi juga dalam bentuk kepakaran teknikal dan profesional. Dalam jangka panjang kerjasama seperti ini akan juga memberi kesan yang positif dalam aspek perpaduan kaum dan kestabilan sosial.

10. Kerjasama di kalangan pengusaha harus juga diluaskan supaya meliputi penyelidikan dan pembangunan ke arah menjadi lebih kompetitif melalui penurunan kos, mengguna atau memperkenalkan teknik baru serta mempercepatkan kerja. Dalam hubungan ini, saya mengucapkan tahniah kepada PKK kerana telah mengatur program-program ke arah mewujudkan dan membangunkan kontraktor kerja awam dan elektrik yang berkualiti, berdaya maju dan mampu bersaing sama ada di peringkat nasional atau antarabangsa. Saya difahamkan PKK telah mengatur pelbagai program termasuklah latihan dan bengkel pengurusan, kemahiran dan motivasi sepanjang tahun 2002 ini. Program ini akan dilaksanakan sama ada secara usahasama dengan agensi kerajaan atau persatuan- persatuan kontraktor.

Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Oleh kerana banyak peluang yang diwujudkan dalam industri pembinaan ini, ramai kontraktor menceburi dalam bidang ini untuk sama-sama merebut peluang. Sehingga 2 Januari 2002, sebanyak 26,650 kontraktor berdaftar di PKK. Saya percaya angka ini adalah besar dan kementerian atau agensi-agensi kerajaan sebenarnya mempunyai pilihan yang luas untuk mendapatkan kontraktor yang berkualiti dan berwibawa.

12. Untuk memastikan hasrat Kerajaan untuk membentuk masyarakat perniagaan bumiputera yang berdaya tahan, adalah disarankan agar para kontraktor berusaha menjalankan sendiri kerja-kerja yang ditawarkan bagi memastikan pengalaman mereka menjadi mantap. Amalan menyerahkan semua kerja-kerja kepada sub-kontraktor tanpa terlibat secara hands-on adalah merugikan kontraktor dalam jangka panjang. Para kontraktor seharusnya mempunyai pegawai, jurutera dan kakitangan yang digaji sendiri. Penglibatan kontraktor dan kakitangan dalam projek-projek akan meningkatkan kecekapan, kerana projek-projek pembinaan sering menghadapi pelbagai masalah pengurusan yang memerlukan penyelesaian setiap hari. Dengan melibatkan diri secara langsung dengan urusan harian barulah

kecekapan dan kepakaran dapat diperolehi. Mereka yang mencari jalan senang untuk mendapat seberapa banyak kontrak bagi diurus oleh orang lain, akan terus ketinggalan dan menggagalkan usaha dan matlamat kerajaan untuk menambah jumlah kontraktor-kontraktor berwibawa.

13. Peranan agensi kerajaan yang melaksana projek juga penting bagi memastikan projek-projek yang diluluskan dilaksanakan mengikut jadual dan batas-batas peruntukan yang ditetapkan. Seperti juga kontraktor, pegawai-pegawai agensi pelaksana perlu turun ke tapak pembinaan bagi melihat sendiri masalah dan kemajuan yang dicapai. Adalah juga penting dipastikan segala prosedur yang ditetapkan di peringkat pusat diamalkan sepenuhnya di peringkat bawahan oleh agensi pelaksana. Agensi-agensi Kerajaan adalah diharap dapat mendorong, membantu dan memberi kerjasama yang wajar kepada kontraktor bagi memastikan kejayaan projek-projek dan matlamat- matlamat yang dirancang.

14. Sehubungan dengan itu, saya menyeru agar kementerian dan agensi-agensi kerajaan menggunakan peraturan yang sedang berkuasa dan kebijaksanaan masing- masing untuk memastikan urusan pelantikan kontraktor serta pengurusan dan pemantauan projek dapat diuruskan dengan telus dan sempurna. Selain itu, agensi pelaksana perlu juga memastikan pengagihan projek dibuat dengan seimbang agar tidak timbul rungutan dan rayuan, yang boleh melengahkan pelaksanaan projek.

15. Kepada Kementerian Pembangunan Usahawan saya ingin mengucapkan tahniah di atas kejayaan melancarkan laman web PKK. Laman ini menyediakan maklumat penting mengenai PKK, perkhidmatan yang ditawarkan dan kemudahan interaktif capaian maklumat kontraktor. Laman ini juga menyediakan senarai kontraktor serta senarai yang ditahan atau digantung.

16. Saya berharap kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua kementerian dan agensi kerajaan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, terutama yang melibatkan projek pembangunan dan pelantikan kontraktor. Adalah menjadi harapan Kerajaan agar inisiatif ini dapat diperkembangkan supaya lebih banyak maklumat mengenai kontraktor dapat disampaikan kepada pelanggan secara lebih cepat dan cekap. Inisiatif sedemikian sudah tentu dapat membantu memperkukuhkan jentera pentadbiran sektor awam serta meningkatkan imej kerajaan di kalangan pelanggan. Ia juga harus menjadi saluran untuk mendapat maklum balas dan cadangan untuk menambah baik perkhidmatan yang disediakan. Tidak kurang pentingnya ditekankan di sini tentang perlunya maklumat-maklumat sentiasa dikemas kini agar matlamat penggunaan ICT benar-benar menepati maksud ianya diperkenalkan.

17. Terima kasih sekali lagi diucapkan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan pelancaran laman web PKK pada pagi ini.

18. Dan dengan lafaz Bismillahirrahma nirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan pelancaran laman web Pusat Khidmat Kontraktor, Kementerian Pembangunan Usahawan.

Wabillahi taufiq Wal hidayah Wassalamua'alaikum warahmatullahi wabarakaatuh Terima kasih.